

UMS MENANDATANGANI MOU DENGAN GIST



BERTUKAR DOKUMEN... Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman (kiri) dan Prof. Jung-Woong Ra setelah memeterai perjanjian tersebut.

Bidang sains dan teknologi menjadi aspek yang terpenting dalam dunia hari ini. Ia mampu membawa kepada perubahan pembangunan dalam pelbagai bidang termasuk bidang sosial, ekonomi dan politik negara.

Menyedari kepentingan bidang sains dan teknologi ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama dengan menandatangani memorandum persefahaman

dengan Gwangju Institute of Science and Technology (GIST), Korea di Galeri UMS pada 2 Februari 2005 yang lepas.

Kerjasama yang dijalinkan ini meliputi usahasama dalam program penyelidikan dan pengajaran, pertukaran maklumat dan bahan-bahan yang memberi kepentingan bersama, pertukaran bahan-bahan saintifik, penerbitan dan maklumat-maklumat berkaitan, mengadakan pertukaran kakitangan akademik dan juga pelajar serta menganjurkan persidangan antarabangsa, kebudayaan dan aktiviti sukan.

UMS telah diwakili oleh Naib Canselor pertamanya, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman dan Pendaftar, Hela Ladin Mohd Dahalan, manakala GIST telah diwakili oleh Presidennya, Prof. Jung-Woong Ra dan Pengarah Pusat Pelajar Antarabangsa, Prof. Semyung Wang. Majlis tersebut disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoth.